

SULIT

NO. SOALAN: 481

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI
MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10140

SOALAN :

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kes pil kuda di Kelantan mengikut tahun bermula tahun 2013 sehingga 2017 dan langkah mengekang masalah ini.

SULIT

SULIT

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kes dan tangkapan bersangkutan kesalahan pil kuda di Kelantan bagi tahun 2013 hingga Jun 2017 adalah seperti berikut:

TAHUN	KES	TANGKAPAN (ORANG)
2013	1,611	2,141
2014	1,714	2,276
2015	6,713	7,331
2016	14,556	15,548
2017	6,243	6,681

Antara tindakan yang telah diambil oleh PDRM bagi membanteras pengedaran dan penyalahgunaan pil kuda di Kelantan adalah seperti berikut:

- i) menjalinkan kerjasama erat dengan *Police Narcotics Suppression Bureau* dan *Office of the Narcotics Control Board, Thailand* melalui mesyuarat dua hala, mesyuarat kerja dan operasi bersama;
- ii) memperkasakan Unit Risikan Sempadan dengan menubuhkan unit di Rantau Panjang, Kelantan;

SULIT

SULIT

- iii) **mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar;**
- iv) **menjalankan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan di sempadan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) & Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);**
- v) **memantau sepanjang Sungai Golok bersama Pasukan Polis Marin di kawasan Rantau Panjang ke Tak Bai; dan**
- vi) **menjalankan operasi berkala (seminggu sekali) dengan membuat sekatan jalan raya di kawasan sempadan serta pemeriksaan di pangkalan haram.**